

AMALAN SOLAT DAN IMPLIKASINYA DALAM PEMBENTUKKAN SAHSIAH SERTA NILAI TAQWA DALAM DIRI PELAJAR

ROSHADAH BINTI ABU BAKAR
Roshadah5058@gmail.com

RAZAK BIN NORDIN DAN HASMINUDDIN BIN HASHIM

Jabatan Pangajian Am, Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin, 02600, Arau, Perlis, Malaysia

ABSTRAK

Masalah pengabaian solat dalam kalangan generasi muda masa kini sangat membimbangkan. Masalah ini memberi implikasi yang buruk kepada pembentukan sahsiah dan nilai taqwa dalam diri. Kajian ini bertujuan mengkaji tahap amalan solat fardu dan implikasi pembentukan sahsiah serta nilai taqwa dalam diri pelajar. Bagi mencapai matlamat ini, kajian dijalankan terhadap 220 responden yang terdiri daripada para pelajar semester 1 sesi Jun 2020 Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin, Perlis. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif analisis deskriptif dan analisis inferensi. Data kajian dianalisis menggunakan SPSS versi 22.0. Dapatan kajian menunjukkan bahawa amalan pelaksanaan solat dalam kalangan responden agak memuaskan dengan skor min 3.75 manakala dorongan untuk mendirikan solat dengan sempurna lima waktu adalah dengan nilai min 3.72. Bagi implikasi amalan solat dalam pembentukan sahsiah mencapai nilai skor min 4.67 dan nilai taqwa mencapai nilai skor min 4.67. Selain itu, terdapat juga hubungkait antara amalan solat pelajar dengan implikasi pembentukan sahsiah dan nilai taqwa pelajar. Hasil kajian ini dapat membantu pihak pengurusan politeknik agar dapat memberi penekanan yang lebih serius terhadap amalan pelaksanaan solat pelajar dalam setiap aktiviti yang dirancang agar mampu melahirkan pelajar yang sahsiah mulia dan mempunyai nilai taqwa yang tinggi dalam diri bagi menghasilkan graduan yang berkualiti dan cemerlang bukan sahaja dari segi akademik tetapi juga cemerlang dari segi sahsiah dan hubungannya dengan Allah SWT.

Kata Kunci : Amalan Solat, Sahsia, Nilai Taqwa

1. Pengenalan

Solat adalah merupakan rukun Islam yang kedua yang telah diwajibkan oleh Allah SWT kepada setiap muslim yang telah cukup umur dan mukallaf. Namun pada masa kini masih ramai dalam kalangan masyarakat kita yang tidak melaksanakan solat dengan tanpa rasa bersalah malah ada dalam kalangan masyarakat kita yang hanya melaksanakan solat bila perlu sahaja dan ada juga yang meninggalkan terus solat. Solat adalah perkara asas dalam ibadah Islam dan memberi impak dalam pembentukan sahsiah dan nilai taqwa dalam diri setiap muslim.

Menurut Che Husain, Faridah; Mohd Jodi, Khairul Hamimah; (2018) individu yang dibesarkan dalam suasana menghayati ajaran agama yang berpandukan al-Quran dan al-Sunnah akan dapat membina sahsiah diri yang baik. Kehidupan beragama dapat membentuk nilai kehidupan yang terpuji dalam masyarakat selari dengan Falsafah Pendidikan Negara untuk memperkembangkan potensi secara bersepadu bagi mewujudkan insan seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan

Marzuki, Mohd Khusyairie; et al. (2019). Majoriti pelajar memahami bahawa solat sangat penting kerana mampu membentuk sahsiah yang mulia, namun sikap pelajar dalam melaksanakan solat fardu masih kurang memuaskan. Hal ini memberi kesan kepada pembentukan sahsiah pelajar pada masa akan datang. Justeru itu pihak pengurusan perlu

memberi penekanan terhadap pelaksanaan solat dan kesedaran tentang kepentingan solat dari semasa ke semasa.

Berdasarkan firman Allah SWT :

أَتْلُ مَا أُوحِيَ إِلَيْكَ مِنَ الْكِتَابِ وَأَقِمِ الصَّلَاةَ إِنَّ الصَّلَاةَ تَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ ﴿٤٥﴾

“Bacalah serta ikutlah (wahai Muhammad) akan apa yang diwahyukan kepadamu dari Al-Quran dan dirikanlah sembahyang (dengan tekun); sesungguhnya sembahyang itu mencegah dari perbuatan yang keji dan mungkar dan sesungguhnya mengingati Allah adalah lebih besar (faedahnya dan kesannya) dan (ingatlah) Allah mengetahui akan apa yang kamu kerjakan”. Surah al’ankabut 29 :45

Ayat ini menunjukkan perintah daripada Allah SWT kepada nabi Muhammad SAW khususnya dan umat Islam umumnya agar patuh pada segala perintah Allah SWT. Umat Islam juga perlu mendirikan solat dengan penuh khushyuk kerana solat itu sendiri boleh mencegah diri daripada melakukan perkara yang dilarangan oleh Allah SWT. Selain itu, banyakkannya mengingati Allah SWT dan Allah SWT itu maha mengetahui apa yang dilakukan oleh hambanya.

Ini adalah formula dan kunci kejayaan hidup manusia yang telah dinyatakan oleh Allah SWT. Solat yang sempurna mampu menjadikan manusia mencapai kejayaan hidup di dunia dan di akhirat kerana dalam pelaksanaan solat itu sendiri banyak menerapkan konsep taqwa dan tarbiah dalam jiwa manusia agar sentiasa tunduk dan patuh pada segala perintah Allah SWT.

Justeru itu, kajian ini bertujuan untuk melihat tahap amalan solat dan implikasinya dalam pembentukan sahsiah serta nilai taqwa pelajar Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin sebagai satu usaha untuk menambah baik tahap sahsiah pelajar dan nilai taqwa kepada Allah SWT melalui pelaksanaan program dan panduan peraturan di Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin.

1.1 Latar Belakang

Isu berkaitan sahsiah sering menjadi perhatian masyarakat lebih lagi apabila ianya berlaku dalam kalangan pelajar yang mengundang kepada peningkatan masalah sosial yang serius dalam masyarakat. Menurut Ahmad Sabri, Safura; et al (2016) kebelakangan ini kita sering mendengar isu-isu berkaitan dengan salah laku pelajar-pelajar dalam media massa. Pelbagai cadangan dan andaian yang dikemukakan dalam usaha menangani permasalahan ini. Pada ketika inilah krisis identiti remaja sering berlaku dalam proses pembentukan peribadi diri.

Kementerian Pendidikan Malaysia (2019), dalam Pelan Pendidikan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 pihak kementerian berhasrat, memastikan setiap pelajar mencapai potensi sepenuhnya dalam mempersiapkan setiap pelajar kepada keberhasilan pelajar itu sendiri agar berani menghadapi cabaran masa depan. Selain itu juga, dapat menyelesaikan konflik secara aman, membuat keputusan yang wajar dalam situasi kritikal, dan mempunyai keberanian melakukan apa yang betul dan memberi penekanan kepada setiap pelajar agar

mempunyai pegangan agama yang kuat dan mengamalkannya sebagai asas hidup serta bertanggungjawab mengambil berat terhadap masalah ummah untuk kesejahteraan negara.

Selain itu, Shafie, Shahidan; Ying-Leh Ling; (2017) dalam konsep pendidikan di politeknik pelaksanaan pembelajaran dan pengajaran kurikulum pengajian Islam adalah sangat perlu ditekankan bagi membantu pembentukan sahsiah berkualiti dalam kalangan pelajar. Pelaksanaan program bimbingan berkonsepkan didikan Islam dari segi aqidah, syariah dan akhlak mampu memberi kesan terhadap kualiti hidup setiap pelajar sama ada dari aspek jasmani, emosi, rohani dan intelektual. Pemahaman dan penghayatan nilai Islam yang sebenar dari segi amalan solat dan ibadah lainnya mampu melahirkan pelajar yang bersahsiah mulia dan cemerlang dari segi akademik.

Menurut Noor Mohamed, Noor Azilah; (2015) Solat dapat menghias diri seseorang dengan sahsiah akhlak terpuji dan akal yang sihat seperti jujur, taat pada peraturan, tidak berlebih-lebihan, berdisiplin dan sabar. Solat yang dilakukan dengan ikhlas akan dapat menghilangkan perasaan sombong dan ingkar pada segala perintah Allah SWT. Selain itu kesan solat juga dapat menerapkan nilai akhlak terpuji yang terdapat dalam solat, baik dalam pergerakan, bacaan dan penghayatannya. Dengan ini akan timbul rasa sabar, syukur, saling menghormati dan mendekatkan diri kepada Allah SWT yang akhirnya sudah pasti membentuk sahsiah yang terpuji.

Abu, Sharifah Nur; (2015) mendapati tahap amalan solat fardu dalam kalangan pelajar semester 1 Politeknik Kuching Sawarak masih lagi kurang memuaskan. Tindakan segera perlu diambil bagi meningkatkan tahap kesedaran dan pengamalan solat dalam kalangan pelajar. Selain itu, menurut Yahya, Munirah; Hussein, Nouraisyah; Kamel, Kamelia; (2018), mendapati tahap pengamalan solat fardhu dalam kalangan pelajar Kolej Komuniti Negeri Sarawak pada tahap yang rendah. Ibu bapa, para pensyarah dan masyarakat merupakan faktor utama yang boleh mempengaruhi pelajar untuk melaksanakan solat. Oleh itu, kaedah bimbingan dan pendidikan kerohanian perlu dikaji semula dan diberi penekanan pada masa hadapan agar seiring dengan kecemerlangan akademik pelajar.

Sehubungan dengan itu, Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin juga tidak terlepas daripada masalah pengabaian solat dalam kalangan pelajar yang semakin membimbangkan dan memberi kesan pada pembentukan nilai sahsiah dalam diri pelajar.

Oleh itu, kajian ini adalah bertujuan untuk melihat tahap pelaksanaan solat pelajar semester satu sesi Jun 2020 dan sejauh mana implikasi solat dapat membentuk sahsiah dan nilai taqwa dalam diri pelajar. Hal ini sebagai satu usaha mengatasi masalah pengabaian solat dan masalah sahsiah pelajar serta sebagai satu usaha penambahbaikan pelaksanaan program dan peraturan di Politeknik yang dapat disesuaikan dengan tahap penerimaan pelajar .

1.2 Objektif Kajian

Fokus utama kajian ini dijalankan adalah untuk :

1. Mengenalpasti tahap amalan solat pelajar Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin
2. Mengenalpasti tahap implikasi solat terhadap pembentukan sahsiah pelajar Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin
3. Mengenalpasti tahap implikasi solat terhadap nilai taqwa dalam diri pelajar Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin

4. Menganalisis hubungkait amalan solat dengan implikasi pembentukkan sahsiah dan nilai taqwa dalam diri pelajar

1.3 Hipotesis Kajian

Hipotesis kajian adalah berkaitan amalan solat pelajar dan hubungannya dengan implikasi pembentukkan sahsiah dan nilai taqwa dalam diri pelajar

Ha 1: Terdapat hubungan yang signifikan antara amalan solat pelajar dengan implikasi pembentukkan sahsiah pelajar

Ha 2: Terdapat hubungan yang signifikan antara amalan solat pelajar dengan implikasi nilai taqwa pelajar

2 Metodologi Kajian

2.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan analisis statistik *deskriptif* dan analisis *inferensi* yang bertujuan untuk mendapat skor amalan solat pelajar, implikasi solat terhadap pembentukkan sahsiah dan nilai taqwa dalam diri pelajar serta nilai korelasi antara kedua-duanya. Data yang dikumpul dengan menggunakan ukuran kecenderungan memusat yang melibatkan pengiraan kekerapan, peratusan, purata (min) , median dan mod.

2.2 Tempat Kajian

Kajian dijalankan di Pusat Islam dan kamsis Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin

2.3 Populasi Dan Sampel Kajian

Populasi kajian ialah pelajar semester satu sesi Jun 2020. Bilangan sampel kajian melibatkan populasi seramai 220 pelajar daripada jumlah keseluruhan populasi 548 pelajar muslim semester satu Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin. Populasi ini terdiri daripada pelajar lelaki dan perempuan daripada semua jabatan. Populasi yang terlibat adalah untuk tahap amalan solat pelajar dan implikasinya terhadap pembentukan sahsiah dan nilai taqwa pelajar. Sampel melibatkan pelajar muslim semester satu daripada enam jabatan iaitu Jabatan Kejuruteraan Mekanikal(JKM), Jabatan Kejuruteraan Elektrik(JKE), Jabatan Perdagangan(JP), Jabatan Reka bentuk dan Komunikasi Visual(JRKV), Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi(JTMK) dan Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti(JPH).

Sampel kajian ini merujuk kepada jadual sampel Krejcie & Morgan; (1970) yang telah menetapkan jumlah bilangan sampel yang sesuai untuk mewakili populasi. Menurut Krejcie & Morgan (1970) semua ahli dalam kelompok adalah merupakan populasi. Oleh yang demikian, dalam satu populasi yang besar pengkaji boleh melakukan pemilihan sampel secara rawak mudah. Dengan itu perwakilan yang menyeluruh diperlukan supaya gambaran sebenar populasi dapat diperolehi. Oleh kerana jumlah populasi yang sangat besar, pengkaji hanya mengambil 220 pelajar sahaja. Pemilihan 220 pelajar daripada keseluruhan pelajar Islam semester satu daripada 6 jabatan induk. Menurut Krejcie & Morgan (1970), jumlah sampel yang merujuk jadual sampel sudah mencukupi untuk mewakili populasi.

2.4 Instrumen Kajian

Instrumen kajian merupakan alat yang digunakan untuk mendapatkan data dari sampel kajian. Menurut Mohamad Najib Abdul Ghafar; (1999:40), instrumen kajian juga menentukan jenis data yang diperolehi dan ini mempengaruhi jenis analisis pengkaji. Instrumen ini mengandungi 3 bahagian iaitu:

- Bahagian A: Mengenalpasti tahap amalan solat pelajar Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin
- Bahagian B: Mengenalpasti tahap implikasi solat terhadap pembentukan sahsiah pelajar Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin
- Bahagian C : Mengenalpasti tahap implikasi solat terhadap nilai taqwa dalam diri pelajar Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin
- Bahagian D : Menganalisis hubungkait amalan solat dengan implikasi pembentukan sahsiah dan nilai taqwa dalam diri pelajar

Penggunaan skala likert iaitu pelajar dikehendaki untuk menandakan jawapan mereka mengenai sesuatu kenyataan berdasarkan satu skala dari satu ekstrem kepada ekstrem yang lain (Mohamad Najib Abdul Ghafar,1999:98) Dalam bahagian ini, pelajar dikehendaki menanda jawapan berdasarkan skala dalam jadual 2.1:

Jadual 2.1: Pengkelasan skala likert

Hasil kajian		Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Kurang Setuju	Setuju	Sangat Setuju	analisis
	skor	1	2	3	4	5	

berdasarkan kepada nilai skor min kepada tiga tahap iaitu:

Jadual 2.2: Nilai Skor Min

Nilai Skor Min	Tahap
3.67 hingga 5.00	Tinggi
2.34 hingga 3.66	Sederhana
1.00 hingga 2.33	Rendah

Merujuk kepada jadual 2.2 pengkaji mengkatogerikan kembali lima point skala likert kepada tiga peringkat. Skor soalan yang digunakan dalam soal selidik ini adalah normal iaitu pengkaji meletakkan nilai min antara 1.00 hingga 2.33 sebagai skor rendah, min 2.34 hingga 3.66 sebagai skor sederhana dan min 3.67 hingga 5.00 sebagai skor tinggi (Sumber : Abdul Ghafar, Mohamad Najib.(1999) : 51)

Bagi analisis *inferensi*, pengkaji menggunakan kaedah korelasi *pearson*. Analisis korelasi adalah untuk mengetahui hubungkait antara dua pemboleh ubah (Mohamad Najib, A. G.1999 :51). Kekuatan korelasi adalah seperti jadual yang berikut:

Jadual 2.3: Klasifikasi kekuatan korelasi

Julat (+ atau -)	Kekuatan
0.0 hingga 0.2	Sangat Lemah
0.2 hingga 0.4	Lemah, Rendah
0.4 hingga 0.7	Sederhana
0.7 hingga 0.9	Tinggi, Kuat
0.9 hingga 1.0	Sangat Tinggi, Sangat Kuat

(Sumber : Mohamad Najib, A.G. 1999 : 51)

Kajian ini menggunakan dua bentuk analisis data iaitu analisis statistik *deskriptif* dan analisa statistik *inferensi*. Analisis *deskriptif* digunakan untuk menganalisis pencapaian pelajar yang terlibat dalam kajian ini melalui gambaran awal data yang dikumpul dengan menggunakan ukuran kecenderungan memusat yang melibatkan pengiraan kekerapan, peratusan, purata (*min*), *median* dan *mod*. Manakala analisis *inferensi* pula membolehkan pengkaji membuat andaian berkaitan dapatan kepada sampel atau populasi. Analisis *inferensi* melibatkan analisis tentang dua pemboleh ubah iaitu analisis tentang perbezaan dan analisis tentang hubungan antara dua pemboleh ubah iaitu pemboleh ubah bersandar amalan solat pelajar dan pemboleh ubah tidak bersandar implikasi pembentukkan sahsiah dan nilai taqwa pelajar.

3. Dapatan kajian

3.1 Bahagian A : Analisis Data Mengenai Tahap Amalan Solat Pelajar Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin

Bahagian ini membentangkan analisis deskriptif iaitu tahap amalan solat pelajar Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin dari segi amalan solat dan faktor pendorong untuk melakukan solat. Dari segi tahap amalan solat pelajar terdapat 12 soalan dikemukakan dalam bahagian ini.

Jadual 3.1 menunjukkan amalan solat pelajar

Bil	Item	STS %	TS %	KS %	S %	SS %	Min	Sisihan Piawai	Tahap
1.	Saya faham kewajipan solat kepada setiap muslim	-	-	4.50	20.5	75.0	4.70	0.55	Tinggi
2.	Saya selalu melaksanakan solat fardhu lima waktu setiap hari	0.90	20.7	12.3	40.9	43.2	4.23	0.83	Tinggi
3.	Kadangkala saya tidak cukup menunaikan solat fardhu	9.50	10.9	34.5	34.5	10.5	3.25	1.20	Tinggi
4.	Saya akan mendirikan solat walaupun saya letih	1.40	2.30	24.5	42.7	29.1	3.96	0.87	Tinggi
5.	Saya akan mendirikan solat walaupun saya sibuk	1.40	0.50	20.9	46.4	30.9	4.05	0.81	Tinggi
6.	Saya selalu mendirikan solat sunat	1.40	16.8	65.0	15.9	0.90	2.98	0.65	Sederhana
7.	Saya masih belum qadha solat yang tertinggal	9.50	16.4	40.5	27.3	6.40	3.05	1.04	Sederhana
8.	Saya sentiasa menunaikan solat diawal waktu	-	6.80	55.0	31.8	6.40	3.38	0.71	Sederhana
9.	Saya dapat solat dengan khusyuk	0.50	7.70	52.7	35.0	4.10	3.35	0.70	Sederhana
10.	Saya sentiasa solat berjemaah di masjid/pusat Islam pada setiap waktu solat	1.40	26.8	56.8	11.8	3.20	2.89	0.75	Sederhana
11.	Saya sentiasa berusaha mendirikan solat lima waktu dengan sempurna	-	-	5.90	27.3	66.8	4.61	0.59	Tinggi
12.	Saya sentiasa berusaha untuk mendirikan solat dalam keadaan yang penuh khusyuk	-	-	5.90	38.6	55.5	4.50	0.61	Tinggi
Min Purata keseluruhan							3.75	0.78	Tinggi

Petunjuk: 1=Sangat Tidak Setuju (STS), 2=Tidak Setuju (TS), 3=Kurang Setuju (KS), 4= Setuju (S), 5= Sangat Setuju (SS)

Berdasarkan jadual 3.1 di atas hasil analisis data tahap amalan solat pelajar menunjukkan min keseluruhan berada pada tahap yang tinggi iaitu 3.75. Item 1-5 menunjukkan tahap amalan solat pelajar adalah tinggi namun begitu bagi item yang berkaitan kadang-kadang tidak cukup mendirikan solat juga masih lagi tinggi. Bagi item 6- 10 iaitu dari segi mendirikan solat sunat, menqadha solat, solat diawal waktu, solat dengan khusyuk dan solat berjemaah di masjid masih pada tahap sederhana. Hal ini menunjukkan mereka hanya mampu mendirikan solat wajib dalam waktunya sahaja dan kurang berkemampuan untuk mencapai nilai khusyuk dalam solat serta kurang kemampuan untuk solat berjemaah di masjid.

Namun, bagi item 11-12 pelajar menunjukkan minat untuk berusaha mendirikan solat dengan sempurna serta berazam untuk mencapai tahap khushyuk dalam solat dengan sebaiknya dengan mencapai nilai min yang tinggi iaitu 4,61 dan 4.50.

Menurut Hariyanto, Darmadi; (2017), minat merupakan sifat yang relatif yang terdapat dalam diri seseorang. Minat ini besar pengaruhnya pada seseorang kerana dia akan melakukan sesuatu berdasarkan minatnya. Sebaliknya sekiranya seseorang tidak berminat mungkin dia tidak akan melakukannya. Orang yang berminat sesuatu akan berusaha keras untuk mendapatkannya.

Hal ini menunjukkan kebiasaan yang berlaku sekiranya seseorang memahami dan menghayati dengan ikhlas serta bersungguh-sungguh pada setiap amalan ibadah yang diwajibkan sudah pasti akan mampu mengubah diri seseorang kepada nilai ibadah yang lebih baik.

Bahagian seterusnya adalah berkaitan faktor yang mendorong pelajar melakukan solat. Terdapat 5 soalan yang dikemukakan dalam bahagian ini.

Jadual 3.2 menunjukkan faktor yang mendorong pelajar melakukan solat

Bil	Item	STS %	TS %	KS %	S %	SS %	Min	Sisihan Piawai	Tahap
1.	Saya selalu melaksanakan solat dengan dorongan kawan	6.80	15.5	31.8	36.4	9.50	3.26	0.61	Sederhana
2.	Saya selalu melaksanakan solat dengan dorongan ibubapa	3.20	6.80	15.9	31.4	42.7	4.04	1.07	Tinggi
3.	Saya selalu melaksanakan solat dengan dorongan pensyarah	9.10	15.5	30.9	34.1	10.5	3.21	1.17	Sederhana
4.	Saya perlukan kawan untuk membimbing saya supaya mampu solat dengan baik	1.40	6.40	28.2	43.2	20.9	3.76	0.90	Tinggi
5.	Saya perlukan persekitaran yang baik supaya saya mampu melaksanakan solat dengan sempurna	0.50	1.80	12.3	37.2	48.2	4.31	0.79	Tinggi
Min Purata keseluruhan							3.72	0.91	Tinggi

Petunjuk: 1=Sangat Tidak Setuju (STS), 2=Tidak Setuju (TS), 3=Kurang Setuju (KS), 4= Setuju (S), 5= Sangat Setuju (SS)

Berdasarkan jadual 3.2 di atas, hasil analisis data menunjukkan faktor yang mampu mendorong pelajar melakukan solat adalah dengan nilai min keseluruhan pada tahap yang tinggi iaitu 3.72. Bagi item 2 iaitu faktor dorongan ibu bapa mencapai nilai min yang tinggi iaitu 4.04. Manakala bagi item 1 dan 3 faktor dorongan daripada kawan dan pensyarah mencapai nilai min sederhana dengan masing-masing adalah 3.26 dan 3.21. Hal ini menunjukkan pelajar sangat bergantung dengan faktor dorongan luaran daripada ibu bapa, kawan, pensyarah dan persekitaran untuk menjadikan diri mereka mampu melakukan solat dengan sempurna.

Nadzri, Suhaila; et al (2018) Ibu bapa perlu sentiasa memantau pelaksanaan solat anak-anak mereka. Sikap ibu bapa dapat menentukan sama ada anak melaksanakan solat atau tidak. Ibu bapa juga disarankan untuk menjalinkan hubungan kerjasama yang lebih kukuh dengan guru-guru yang bertauliah untuk sama-sama membantu membimbing para remaja ini ke arah kehidupan yang lebih sejahtera.

Selain itu, bagi item 4 iaitu pelajar perlu bimbingan daripada kawan agar mampu mendirikan solat dengan baik mencapai nilai min yang tinggi iaitu 3.76 manakala bagi item 5

pula pelajar perlu kepada persekitaran yang baik agar mendorong pelajar bagi melaksanakan solat dengan sempurna mencapai nilai min yang tinggi iaitu 4.31. Item ini menunjukkan pelajar boleh berubah kepada amalan solat yang baik sekiranya ada bimbingan daripada kawan dan persekitaran yang baik.

Mohd Arifin, Raihan; et al (2019) berpendapat bahawa komuniti merupakan persekitaran individu yang tinggal di sesuatu tempat dan saling berinteraksi antara satu sama lain yang melibatkan hubungan kerjasama antara manusia, yang memungkinkan berlakunya perubahan tingkah laku dan amalan harian termasuk amalan ibadah. Persekitaran yang melibatkan unsur kerjasama, bantu-membantu, perkongsian idea, dan perasaan saling berkasih sayang antara satu sama lain menjadi faktor penyebab kepada perubahan amalan yang lebih baik.

Azman, Norzaini; (2011), Kawan yang baik mampu berperanan sebagai fasilitator iaitu pembantu dan pembimbing kepada kawan yang lain dalam menyampaikan maklumat yang betul, penyokong kuat dan mampu mempengaruhi tingkah laku kawan-kawan lain. Fasilitator ini mestilah menunjukkan tingkah laku yang baik sebagai langkah untuk tunjuk ajar dan bimbingan pada kawan yang lain.

3.2 Bahagian B Dan C :Analisis Data Mengenai Implikasi Solat Terhadap Pembentukan Sahsiah Dan Nilai Taqwa Pelajar Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin.

Bahagian ini berkaitan implikasi solat terhadap pembentukan sahsiah dan nilai taqwa pelajar Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin . Sebanyak 17 soalan yang dikemukakan dalam bahagian ini.

Jadual 3.3 menunjukkan implikasi solat terhadap pembentukan sahsiah pelajar

Bil	Item	STS %	TS %	KS %	S %	S %	Min	Sisihan	Tahap Piawai
1.	Solat boleh mendidik jiwa saya menjadi tenang	-	-	3.60	28.6	67.7	4.64	0.55	Tinggi
2.	Solat dapat menjadikan saya seorang penyabar	-	-	2.30	27.3	70.5	4.68	0.51	Tinggi
3.	Solat mendidik saya agar berpegang dengan aqidah muslim yang sebenar	-	-	0.90	22.7	76.4	4.75	0.45	Tinggi
4.	Solat boleh membuang sifat buruk (mazmumah) dalam diri saya	-	-	2.70	30.5	66.8	4.64	0.54	Tinggi
5.	Solat mampu mendidik saya agar sentiasa menjaga masa	-	0.50	2.70	31.8	65.0	4.61	0.56	Tinggi
6.	Solat mendidik saya agar sentiasa menjaga kehormatan diri dengan menutup aurat	-	-	1.40	26.4	72.3	4.71	0.48	Tinggi
7.	Solat mampu mendidik saya agar sentiasa mementingkan kebersihan	-	-	1.80	29.5	68.6	4.67	0.51	Tinggi
8.	Solat mendidik saya menjadi hamba yang sentiasa memohon keampunan daripada Allah SWT	-	-	0.90	17.3	81.8	4.81	0.42	Tinggi

9.	Solat mendidik saya agar sentiasa menjadi muslim yang menjaga tingkah laku	-	-	1.80	24.1	74.1	4.72	0.48	Tinggi
10.	Solat mendidik saya agar menjadi muslim yang menjaga tutur kata(lisan)	-	-	2.70	33.6	63.6	4.61	0.54	Tinggi
11.	Solat mendidik saya agar menjadi muslim yang menjaga pandangan mata	-	0.50	1.80	32.3	65.5	4.63	0.55	Tinggi
12.	Solat menjadikan saya seorang yang beradab sopan	-	-	1.80	33.2	65.0	4.63	0.52	Tinggi
13.	Solat dapat menghalang saya daripada melakukan maksiat	-	-	2.70	33.6	63.6	4.61	0.54	Tinggi
14.	Solat dapat menjadikan saya seorang yang berakhlak mulia	-	-	1.40	33.6	65.0	4.64	0.51	Tinggi
15.	Solat menjadikan saya sentiasa patuh kepada perintah Allah SWT	-	-	1.40	31.4	67.3	4.66	0.50	Tinggi
16.	Solat menjadikan saya seorang anak yang sentiasa menjaga hubungan dengan ibu bapa	-	-	1.40	28.6	70.0	4.69	0.50	Tinggi
17.	Solat dapat menjadikan saya selalu dalam redha Allah	-	-	1.40	25.5	73.2	4.72	0.48	Tinggi
Min purata keseluruhan							4.67	0.51	Tinggi

Petunjuk: 1=Sangat Tidak Setuju (STS), 2=Tidak Setuju (TS), 3=Kurang Setuju (KS), 4= Setuju (S), 5= Sangat Setuju (SS)

Berdasarkan jadual 3.3 di atas hasil analisis data implikasi solat terhadap pembentukan sahsiah dan nilai taqwa pelajar Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin. Secara keseluruhan bagi implikasi solat terhadap pembentukan sahsiah pelajar mencapai tahap yang tinggi dengan nilai min purata iaitu 4.67.

Kebanyakan pelajar mengandaikan solat mampu menjadikan seorang muslim yang sejati yang mampu membentuk sahsiah muslim mengikut peraturan Allah SWT. Solat menjadikan pelajar sebagai seorang yang sentiasa berjiwa tenang, penyabar, patuh pada perintah Allah SWT, menjauhkan diri daripada sifat mazmumah, sentiasa menjaga masa, sentiasa menjaga aurat, sentiasa mementingkan kebersihan, selalu mengharapkan pengampunan daripada Allah SWT, menjaga tingkah laku, menjaga tutur kata, menjaga pandangan mata. Selain itu, solat juga mampu menjadikan pelajar seorang yang beradab sopan, mengelakkan diri daripada melakukan maksiat, berakhlak mulia, menjaga hubungan dengan ibu bapa dan menjadikan pelajar sentiasa dalam redha Allah SWT selalu.

Hal ini menunjukkan pelajar menyedari bahawa solat mampu memberi implikasi yang sangat besar dalam diri masing-masing. Mereka faham akan kepentingan melaksanakan solat dan menyedari bahawa solat mampu membentuk sahsiah dalam diri dan menjadikan mereka sentiasa taat dan patuh pada segala perintah Allah SWT.

Nadzri, Suhaila; et al (2018) remaja itu sendiri perlu ada kesedaran dan disiplin diri yang tinggi untuk memastikan solat lima waktu dijaga dengan baik. Kesedaran dalam diri sendiri mampu menjadikan pelaksanaan solat lebih berkualiti dan bermakna dalam diri.

Bahagian seterusnya adalah berkaitan analisis implikasi nilai taqwa pelajar Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin. Sebanyak 13 soalan yang dikemukakan dalam bahagian ini.

Jadual 3.4 menunjukkan nilai taqwa dalam diri hasil daripada pelaksanaan solat

Bil	Item	STS %	TS %	KS %	S %	S %	Min	Sisihan Piawai	Tahap
1.	Solat menjadikan saya ada hubungan dengan Allah SWT	-	-	0.50	20.5	79.1	4.79	0.42	Tinggi
2.	Solat menjadikan saya bahagia berjumpa Allah SWT	-	-	0.50	23.6	75.9	4.75	0.44	Tinggi
3.	Solat menjadikan saya sentiasa mengharapkan pertolongan daripada Allah SWT	-	-	0.50	21.8	77.7	4.77	0.43	Tinggi
4.	Solat menjadikan saya tenang bila menghadapi kesusahan hidup (berhubung dengan Allah bila ada masalah)	-	-	2.30	25.0	72.7	4.70	0.51	Tinggi
5.	Solat menjadikan saya sentiasa patuh kepada perintah Allah	-	-	0.90	27.3	71.8	4.71	0.48	Tinggi
6.	Solat menjadikan saya takut melakukan dosa kepada Allah	-	-	2.70	28.2	69.1	4.66	0.53	Tinggi
7.	Solat mencegah diri saya daripada perbuatan mungkar	-	-	2.70	29.5	67.7	4.65	0.53	Tinggi
8.	Saya berasa tidak tenang atau gelisah sekiranya terlewat menunaikan solat fardu	-	0.50	12.3	43.2	44.1	4.31	0.69	Tinggi
9.	Saya berasa bersalah pada diri sendiri atau berdosa kepada Allah jika sengaja meninggalkan solat fardu	-	0.50	4.10	28.6	66.8	4.62	0.59	Tinggi
10.	Saya rasa tenteram /tenang hati jika dapat menunaikan solat fardu di awal waktu secara berjemaah	-	-	0.50	30.0	65.0	4.60	0.58	Tinggi
11.	Saya menyedari bahawa solat fardu itu dapat mendekatkan diri saya kepada Allah	-	-	0.50	23.6	75.9	4.75	0.44	Tinggi
12.	Saya mengetahui bahawa solat fardu itu dapat menghapuskan dosa-dosa kecil seseorang	-	-	1.80	26.8	71.4	4.70	0.49	Tinggi
13.	Saya yakin solat menjadikan saya bertakwa kepada Allah SWT	-	-	-	24.1	75.9	4.76	0.43	Tinggi
Min purata keseluruhan							4.67	0.50	Tinggi

Petunjuk:1=Sangat Tidak Setuju (STS), 2=Tidak Setuju (TS), 3=Kurang Setuju (KS), 4= Setuju (S), 5= Sangat Setuju (SS)

Berdasarkan jadual 3.4 di atas, hasil analisis data terhadap implikasi nilai taqwa pelajar Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin pada keseluruhan menunjukkan tahap yang tinggi iaitu dengan min purata adalah 4.67.

Secara keseluruhan nilai min bagi semua item yang melibatkan nilai taqwa adalah tinggi. Hal ini kerana pelajar mengandaikan bahawa solat mampu menjadikan diri sentiasa ada hubungan dengan Allah SWT dan seterusnya akan lahir nilai sentiasa mengharapkan pertolongan Allah SWT. Solat mampu menjadikan pelajar sentiasa tenang dan tabah ketika menghadapi kesusahan dan pelajar merasa yakin bahawa dengan solat mampu menjadikan mereka sentiasa bertaqwa kepada Allah SWT.

Justeru itu, hasil kajian mendapati solat mampu memberi implikasi yang besar dalam membentuk nilai taqwa dalam diri pelajar. Menurut Awang, Aerisuli; (2011) penghayatan ibadah di kalangan pelajar mampu memberi kesan positif pada hubungan dengan Allah SWT dan hubungan sosial pelajar serta lahirnya seorang individu muslim yang bertaqwa dan cemerlang dalam pelbagai bidang kehidupan. Penghayatan adalah salah satu proses jenis pembelajaran iaitu pembelajaran dalam konteks sosial, di mana manusia atau perkara-perkara tertentu menjadi perangsang bagi seseorang untuk mengamalkan atau menghayati nilai-nilai tertentu. (Hassan Langgulung, 1987).

3.3 Bahagian D : Menganalisis Hubungkait Amalan Solat Dengan Implikasi Pembentukan Sahsiah Dan Nilai Taqwa Dalam Diri Pelajar

Bahagian ini menjelaskan hasil analisis ujian korelasi hubungan antara pemboleh ubah bersandar iaitu amalan solat pelajar dengan implikasi pembentukan sahsiah serta nilai taqwa pelajar. Formula garis linear digunakan dalam ukuran ini iaitu y (amalan solat), x_1 (implikasi pembentukan sahsiah), x_2 (Implikasi nilai taqwa).

3.3.1 Hubungkait Amalan Solat Pelajar Dengan Implikasi Pembentukan Sahsia Pelajar.

Hasil dapatan kajian adalah seperti di dalam Jadual 3.5 .

Jadual 3.5 : Hubungan antara amalan solat pelajar dengan implikasi pembentukan sahsiah

		Implikasi pembentukan sahsiah	Tahap
Amalan solat pelajar	Pearson Correlation Sig. (2 - tailed) N	.450 .000 220	Sederhana

Aras Signifikan : 0.05

Jadual 3.5 menunjukkan analisis ujian hipotesis bagi korelasi Pearson yang menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara amalan solat pelajar dengan implikasi pembentukan sahsiah pelajar iaitu nilai r (pekali Korelasi) bagi item ini ialah 0.450. Pekali korelasi ini signifikan pada aras keyakinan 0.05. . Oleh itu H_a diterima dan H_o adalah salah. Keputusan ini membenarkan hipotesis kajian seperti yang telah dinyatakan sebelum ini. Oleh yang demikian, dapatan ini bermaksud amalan solat pelajar mempunyai perkaitan dengan implikasi pembentukan sahsiah pelajar Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin. Walau bagaimanapun, hubungan yang terhasil di antara dua pemboleh ubah ini adalah pada tahap yang sederhana.

3.3.2 Hubungkait Penggunaan amalan solat pelajar dengan implikasi nilai taqwa dalam diri pelajar

Bahagian ini menjelaskan hasil analisis ujian korelasi terhadap amalan solat pelajar dengan nilai taqwa pelajar. Jadual 3.6 menunjukkan hubungan antara solat dengan implikasi nilai taqwa dalam kalangan pelajar .

Jadual 3.6 : Hubungan antara amalan solat pelajar dengan implikasi nilai taqwa pelajar .

		Nilai taqwa pelajar	Tahap
Amalan solat pelajar	Pearson Correlation Sig. (2 - tailed) N	.410 .000 220	Sederhana

Aras Signifikan : 0.05

Jadual 3.6 menunjukkan terdapat hubungan yang sederhana antara amalan solat pelajar dengan implikasi nilai taqwa pelajar iaitu 0.410 (r). Berdasarkan keputusan yang diberikan, H_a adalah diterima, manakala H_o adalah ditolak. Pekali Korelasi ini signifikan pada aras keyakinan 0.05. Oleh kerana itu dapatan kajian ini menunjukkan bahawa amalan solat pelajar memberi implikasi terhadap nilai taqwa pelajar walaupun dengan tahap yang sederhana. Ibadah

solat mampu menjadikan pelajar bertaqwa kepada Allah SWT dan mampu membina kehidupan yang lebih cemerlang di dunia dan di akhirat. Pelajar yang bertaqwa boleh mempengaruhi kawan-kawan yang lain untuk sama-sama cuba menerapkan nilai taqwa dalam diri kerana nilai ini memberi ketenangan dan kebahagiaan kepada pelajar seterusnya mencegah diri daripada melakukan perkara mungkar yang membawa kepada kemusnahan hidup pelajar.

Justeru, galakan semua pihak sangat perlu, dengan memberi kefahaman yang lebih jelas bagi melahirkan rasa penghambaan dan keikhlasan yang tinggi kepada Allah SWT. Penerapan nilai taqwa dalam diri pelajar sudah pasti memberi implikasi kepada membentuk sahsiah diri yang terpuji. Hal ini juga bertepatan dengan nilai hubungkait yang tinggi antara implikasi sahsiah dengan nilai taqwa yang mencapai 0.799.

4. Rumusan Kajian

Kajian ini mendapati bahawa tahap amalan solat pelajar adalah agar memuaskan namun masih terdapat pelajar yang tidak cukup solat fardu. Pelajar mengakui bahawa mereka sangat perlu kepada perhatian dan bimbingan daripada ibu bapa, kawan-kawan dan persekitaran bagi membantu mereka agar sentiasa mendirikan solat fardu dengan sempurna. Hal ini menunjukkan bahawa mereka masih lagi perlu kepada pemantauan dan bimbingan daripada ibu bapa, pensyarah dan kawan-kawan.

Selain itu, pelajar juga mengandaikan solat mampu membentuk sahsiah diri pelajar kepada yang lebih baik dan seterusnya memberi implikasi kepada nilai taqwa dalam diri pelajar. Marzuki, Mohd Khusyairie; et al (2019). Amalan solat para pelajar IPT dapat menjadi kayu ukur kepada kejayaan pembentukan sahsiah mereka, sebaliknya pengabaian amalan solat menatijahkan situasi sahsiah pelajar yang agak negatif. Noor Muhamed, Noor Azilah; (2015) Solat yang khusyuk dapat mewujudkan sifat taqwa seperti takut, patuh, ikhlas, pasrah, syukur dan rendah diri kepada Allah SWT dan mampu mempengaruhi orang yang melakukannya dan orang disekelilingnya. Solat dapat mencegah diri daripada perbuatan keji dan mungkar dan memberi ketenangan dan kedamaian dalam kehidupan manusia

5. Penutup

Memandangkan pelajar masih lagi perlu kepada perhatian dan bimbingan daripada ibu bapa, kawan-kawan dan persekitaran untuk melaksanakan solat dengan sempurna. Maka penekanan dalam melaksanakan solat perlu dipandang serius. Hal ini memberi implikasi terhadap pembentukan dan nilai taqwa dalam diri pelajar.

Justeru itu, semua pihak perlulah berganding bahu sama ada pihak ibu bapa dan Jabatan pengurusan politeknik dalam mengalakkan pelajar mendirikan solat dengan sempurna agar dapat melahirkan graduan yang berkualiti dari segi sahsiah dan nilai taqwa dalam diri serta mampu mencapai kecemerlangan dunia dan akhirat.

6. Rujukan

Al-Qurannulkarim

Abdul Ghafar, Mohamad Najib.(1999). *Penyelidikan Pendidikan*, Cetakan keempat 2003, Universiti Teknologi Malaysia Skudai, Johor Darul Ta'zim

Abu, Sharifah Nur. (2015) Pengamalan solat fardhu dalam kalangan pelajar Politeknik Kuching Sawarak, Jabatan Pengajian Am, Politeknik Kuching Sawarak

Ahmad Sabri, Safura ; Rosli, , Hazlin. Falina ; Zakaria, Nurzakira Afnee ; Mohamad Suhaimi, Ahmad Fatin, *Peranan Program Mentoring Dalam Pembentukan Sahsiah Pelajar* Proceeding Of The 3rd International Conference On Management & Muamalah 2016 (3rdicomm) 31st October - 1st November 2016, 978-967-0850-61-0356(2016)

Awang. Aerisuli.(2011) Penghayatan Ibadah Dan Kesannya Terhadap Hubungan Sosial Di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Tok Jiring, Kuala Terengganu, Jabatan Fiqh Dan Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur

Azman, Norzaini.(2011), *Panduan Amalan Pengajaran Dan Pembelajaran Berkesan : Pembelajaran Dewasa, Kendiri.* UKM,(2011)

Che Husain, Faridah, Mohd Jodi, Khairul Hamimah, Mat, Zawiah, Abdul Kadir, Fakhru Adabi , *Elemen Pembentukan Akhlak dan Moral: Penelitian Terhadap Modul Pengajian Kursus Titas di Universiti Malaya*, Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah Special Issue (2018)

Chua Y. P. (2012) Kaedah dan Statistik penyelidikan buku 2 Asas Statistik Penyelidikan edisi kedua, Mc Graw Hill Malaysia Sdn. Bhd.

Hariyanto, Darmadi, *Pengembangan Model dan Metode Pembelajaran Dalam Dinamika Belajar Siswa*, ISBN 978-602-401-939-6 Deepublish (2017)

Hassan langgulung. 1987. Penghayatan nilai-nilai Islam ditinjau dari proses pembelajaran dalam konteks pendidikan masa kini. Jurnal Pendidikan Islam 2(5): 13-30.

KPM. *Malaysia Education Blueprint 2013 - 2025*(2019)

Krejcie, R.V. & Morgan D.W. (1970) Determining sample size for research activities. Educational and Psychological Measurement, 30 (3): 607-610.

Marzuki, Mohd Khusyairie, Abdul Rahman, Mohd Muhiden., & Ismail, Affendi. (2019) Pembentukan Sahsiah Pelajar dan Hubungannya Dengan Pelaksanaan Amalan Solat: Kajian Di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Kelantan [The Development Of Muslim Student's Character And Its Relationship With The Practice of Prayer: A Study in A Higher Education. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, 20(1), 49-65. Retrieved from <https://journal.uniswa.edu.my/jimk/index.php/jimk/article/view/271>

Mat Jusoh, Mohd Suhardi. *Pelaksanaan Program Tarbiah Dalam Kalangan Pelajar Asrama Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (Smka) Pulau Pinang*, USM, Mac (2015)

Mohd Arifin, Raihan, Mat Teh, Kamarul Shukri, & Ghazali, Norfazila. *Pengaruh Kepimpinan, Kurikulum Dan Iklim Dini Terhadap Prestasi Sekolah Rendah Di Daerah Pekan*(2019) The Journal Of Educational Research 2(1)

Noor Muhamed, Noor Azilah. (2015) Skrip Diajukan Kepada Al Zuhri & UIKA Zuhri, Singapura UIKA, Bogor, Indonesia

Rosli, Tasnim; Muniandy, Yogenathan; Jasmi, Kamarul Azmi (2019). “Media Sosial dan Impak Tingkah Laku Menurut Islam” in Jasmi, Kamarul Azmi (Ed.), *Prosiding Seminar Sains Teknologi dan Manusia 2019 (SSTM'19)* pada 15hb. Disember 2019 di DP3, N29, Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Tenaga, UTM. Program anjuran Akademi Tamadun Islam, FSSK, UTM, p. 115-130.

S. A. Basmeih, Disemak dan disahkan oleh Sahibul Fadhilah Datuk Haji

Muhammad Noor bin Haji Ibrahim, *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran (30 JUZ)*, Darul Fikir SDN. BHD.

Shafie, Shahidan, Ying-Leh Ling, *Pembentukan sahsiah berkualiti melalui penghayatan kurikulum pengajian Islam: Satu kajian korelasi di politeknik*. JPA&JMSK politeknik kuching sarawak. (2017)

Suhaila Nadzri, Suhaily Md Shamsudin, Siti Syuhada Abd Rahman, Ahmad A'toa' Mokhtar, Azri Rizal Md Razali (2018) Isu-Isu Pengabaian Solat Dalam Kalangan Remaja Di Negeri Selangor, Fakulti Pengurusan Dan Muamalah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Malaysia E-Book Of Masjid, Zakat And Waqf Management 2018 (Imaf 2018) (E-Isbn 978-967-13087-4-5). 4th December 2018, Bangi, Selangor, Malaysia

Yahya, Munirah; Hussein, Nouraisyah; Kamel, Kamelia; (2018), Pengamalan Solat Fardhu Dalam Kalangan Pelajar Kolej Komuniti Negeri Sarawak. Kolej Komuniti Negeri Sarawak